

NO SOALAN :442**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
(RANTAU PANJANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia menerima cadangan persempadanan semula kawasan Zon Bebas Cukai di Rantau Panjang Kelantan serta cadangan perlaksanaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan persempadanan semula Kawasan Zon Bebas Cukai Rantau Panjang hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan oleh Pihak Berkuasa Zon Bebas berkaitan bagi tujuan penelitian lanjut. Cadangan persempadanan semula tersebut hendaklah merangkumi

laporan kebolehlaksanaan/ *feasibility study* serta justifikasi yang lengkap mengenai persempadanan kawasan yang terlibat bagi membolehkan pertimbangan sewajarnya dibuat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR
[POKOK SENA]**

SOALAN : 443

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah pembayaran yang telah dibuat kepada pemilik Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES):-

- (a) bagi pemasangan 7 kamera mengikut kaedah bayaran fi tetap dan;
- (b) bagi saman yang dikeluarkan sejak 15 April 2017 sehingga sekarang di bawah kaedah bayaran fi boleh ubah.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Kaedah pembayaran antara pihak kerajaan dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera berkaitan pengendalian Automated Enforcement System (AES) atau nama barunya Automated Awareness Safety System (AwAS) sedang dalam peringkat akhir perbincangan sebelum perjanjian ditandatangani. Sehubungan itu, belum ada bayaran fi tetap dibayar kepada pemilik.